

20 DEC 2000

RUMAH TERBUKA HARI RAYA DR MAHATHIR DI PUTRAJAYA

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan mengadakan majlis rumah terbuka Aidilfitri di kediaman rasminya di Kompleks Seri Perdana, Putrajaya pada Hari Raya pertama.

Menurut kenyataan Pejabat Perdana Menteri hari ini, waktu rumah terbuka itu ialah dari 9.30 pagi hingga 1 tengah hari dan 3 petang hingga 6 petang.

Orang ramai dinasihatkan mematuhi segala arahan lalulintas bagi mengelakkan kesesakan di sekitar Putrajaya serta membuat persediaan sekiranya hujan.

Kenyataan itu juga menyebut bahawa sempena cuti Krismas dan Aidilfitri minggu depan, Kompleks Seri Perdana akan ditutup kepada lawatan orang awam mulai Sabtu ini hingga 1 Jan.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pula akan mengadakan rumah terbuka di Serambi Merdeka, Aras 4, Pusat Dagangan Dunia Putra di sini pada Hari Raya pertama dari 2.30 petang hingga 5 petang.

Pada Hari Raya kedua pula, beliau akan mengadakan Rumah Terbuka di kawasan kediamannya di Kepala Batas, Pulau Pinang, dari 10 pagi hingga 4 petang.

-- BERNAMA
AR AHH MAI